

24/05/2003

Isu `kasino': Pas terperangkap dakyah sendiri

Zainudin Isa

KEDAMAIAN di pusat peranginan Bukit Tinggi Resort, Bentong berkocak sejak dua minggu lalu apabila tercetus isu kontroversi kononnya wujud pusat kasino di situ.

Tempiasnya turut dirasai di pusat pentadbiran di Kuantan, malah hingga ke Putrajaya apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sendiri terpaksa memberi penjelasan bahawa tiada kasino kedua dibenarkan di negara ini.

Seperti biasa, Pas pantas mempergunakan isu ini sebaik Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, `membuka mulut' apabila ditanya wartawan tempatan mengenai status sebenar pusat perjudian di Bukit Tinggi pada satu sidang akhbar, 21 April lalu.

Tanpa berleengah, Pas terus menuding jari bahawa kerajaan meluluskan pusat kasino kedua di negara ini selepas Genting Highlands, juga di Pahang.

Malah, menerusi laporan dalam lidah rasmi parti itu, Harakah, baru-baru ini, pemimpin Pas terus melabel Pahang sebagai Pahang `Darul Kasino'.

Lebih menghangatkan keadaan, krew stesen televisyen Al-Jazeera turut turun ke Kuantan hujung minggu lalu, khusus bagi mendapatkan gambaran sebenar daripada Adnan mengenai isu kasino ini.

Sebenarnya, taktik Pas yang sering menanggung di air keruh dan mengocakkan suasana, amat mudah dibaca.

Oleh kerana judi diharamkan Islam, Pas percaya isu ini boleh memercikkan sentimen keagamaan dan moral di kalangan masyarakat Islam.

Justeru, mereka turut melancarkan serangan bersifat peribadi terhadap Adnan. Contohnya, Ketua Penerangan Pas Pahang, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man, menuduh Umno Pahang yang diketuai Adnan mengkhianati amanah rakyat negeri ini apabila membenarkan pembukaan pusat perjudian di Bukit Tinggi.

Bagi pemimpin Pas, mereka mencongak isu ini boleh dijadikan senjata ampuhnya atau sebagai pentas memanaskan badan menjelang pilihan raya umum nanti.

Namun, jawapan Dr Mahathir mengakhiri segala-galanya. Perdana Menteri dengan tegas menyatakan bahawa Kerajaan Pusat tidak pernah melulus, apatah lagi membenarkan wujudnya kasino baru di negara ini.

Bagi pemerhati politik tempatan di Pahang, kepantasan Adnan menjawab isu itu turut memberi satu kelebihan kepada kerajaan, sekali gus membuktikan kematangan berpolitik pemimpin Umno dan Barisan Nasional (BN) menangani sesuatu isu besar.

Seorang pemimpin veteran Umno berpendapat, adalah tidak mengejutkan apabila menyaksikan perubahan watak Adnan menjadi seorang yang tegas, garang dan komited tatkala berdepan dengan isu panas dan sensitif ini.

"Mungkin ada pihak mendakwa buat apa Adnan bersusah payah menjawab isu ini sedangkan soal lesen judi membabitkan Kerajaan Pusat.

"Tapi, Adnan menterjemahkan kematangan politiknya supaya kemelut seperti ini perlu segera ditangani tanpa menunggu saat pilihan raya.

"Inilah pembaharuan dari segi pendekatan yang perlu ada pada pemimpin Umno, iaitu sambil menyerang sambil mempertahankan diri apabila Pas cuba bersandiwara," katanya.

Seorang lagi pemerhati pula berpendapat, Adnan dilihat berada dalam keadaan serba salah untuk berdepan dengan isu kasino ini kerana secara kebetulan ia letaknya di Pahang.

"Mungkin mulanya kita sangka Adnan seolah-olah memikul satu beban atau secara terpaksa untuk membuka mulut.

"Tapi, Adnan memberi reaksi positif, telus dan penerangannya juga cukup akademik. Dia menjelaskan tidak timbul isu untuk mengaitkan antara orang Islam dengan lesen mesin slot di Bukit Tinggi kerana ia hanya untuk orang bukan Islam.

"Malah, dia tidak pernah merujuknya sebagai kasino, tetapi pusat perjudian saja," katanya.

Jelaslah, kegelisahan sesetengah pihak bahawa isu ini boleh melarat dan menyulitkan kerajaan ketika pilihan raya umum nanti, tidak lagi berasas.

Bagi kepemimpinan Umno dan kerajaan pula, kemelut ini patut menjadi iktibar bagaimana isu yang mungkin dianggap mudah, boleh menjebak diri jika ia tidak ditangani dengan serius dan berhati-hati.

Apapun, dalam isu sensitif terutama membabitkan agama dan kaum, semua pihak perlu memikirkan implikasi yang timbul apabila membuat sebarang komen atau kenyataan.

Janganlah bermegah kononnya mereka membuat pelaburan berjuta-juta ringgit untuk menempatkan ratusan mesin slot sedangkan ia menimbulkan pelbagai persoalan di sebaliknya.

Bagi Pas pula, selepas senjata yang dianggap mampu menikam lawan sebaliknya menghukum diri sendiri, sudah pasti akan beralih kepada isu yang lebih teknikal atau menyentuh soal hukum hakam.

Apa yang pasti, Adnan yang sentiasa membuka gelanggang persilatan dengan pembangkang, tentu mempunyai percaturan dan gaya tersendiri yang pastinya mewarnai senario politik tanah air.